

Gangguan Aplikasi PahangGo Punca Keralatan Teknikal Parkir Digital

KUANTAN, 11 MEI 2022 : Gangguan terhadap aplikasi PahangGo ekoran pelaksanaan penambahbaikan sistem dalaman yang melibatkan migrasi sistem ke server baharu merupakan punca keralatan teknikal bagi sistem parkir digital menerusi aplikasi terbabit.

Pengerusi Pahang Go Sdn Bhd, YB. Dato' Haji Mohammad Fakhrudin Mohd Ariff berkata, pihaknya telah menghebahkan pelaksanaan penambahbaikan berkenaan melalui laman sosial rasmi PahangGo pada 28 April 2022 sebagai makluman awal untuk pengguna PahangGo.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Inovasi, Komunikasi dan Multimedia Negeri Pahang berkata, pada 2 hingga 4 Mei 2022 (sempena cuti Hari Raya Aidilfitri), Pahang Go telah melaksanakan penambahbaikan terhadap sistem dalaman yang melibatkan migrasi sistem ke server yang baru.

“Pada 5 Mei 2022 terdapat keralatan teknikal berlaku pada awal pagi mengakibatkan sebahagian kecil aplikasi Penguatkuasa mengalami gangguan semasa membuat semakan parking digital, namun kami telah berjaya menangani ralat teknikal tersebut pada jam 11.40 pagi,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan medianya bagi menjawab kepada artikel yang telah diterbitkan oleh akhbar Sin Chew Daily bertarikh 7 Mei 2022 dan dipetik oleh beberapa laman blog berkenaan kompaun yang dikeluarkan terhadap pengguna parkir digital aplikasi PahangGo.

Pada 5 Mei 2022, seramai 24 pengguna daripada 3,823 pengguna yang juga menggunakan parkir digital telah terjejas dan proses permohonan pembatalan telah dimulakan.

Pihaknya turut menafikan tidakselarasan sistem antara agensi menjadi punca masalah tersebut sebagaimana yang dilaporkan oleh media memandangkan sistem

penguatkuasaan yang digunakan oleh Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) turut dibangunkan oleh PahangGo.

PahangGo juga memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dialami dan berharap pengguna dapat menggunakan parking digital melalui aplikasi PahangGo versi baharu yang bakal dilancarkan demi kemudahan dan pengalaman yang lebih baik.

Bagi sebarang aduan dan permasalahan boleh hubungi melalui saluran rasmi Facebook Messenger PahangGo iaitu m.me/pahango atau talian 09-5730492. –

PAHANGMEDIA

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

#PahangGo


Oleh : Fansurina Abdullah

(LIPUTAN BERGAMBAR)



PahangGO

قهع كو



KENYATAAN MEDIA

ADUAN BERKENAAN PARKING DIGITAL SEPERTI YANG DILAPORKAN OLEH SIN CHEW DAILY

Kami merujuk kepada artikel yang diterbitkan oleh Sin Chew Daily pada 7 Mei 2022 dan dipetik oleh beberapa laman blog berkenaan kompaun yang dikeluarkan terhadap pengguna parking digital Aplikasi PahangGO.

Pada 2 hingga 4 Mei 2022 (sempena cuti Hari Raya Aidilfitri), kami telah melaksanakan penambahbaikan terhadap sistem dalaman yang melibatkan migrasi sistem ke server yang baru. Perkara ini telah dihebahkan melalui laman sosial rasmi PahangGO pada 28 April 2022 sebagai makluman awal untuk pengguna PahangGO.

Pada 5 Mei 2022 terdapat keralatan teknikal yang berlaku pada awal pagi mengakibatkan sebahagian kecil aplikasi Penguatkuasa mengalami gangguan semasa membuat semakan parking digital dan akhirnya kompaun dikeluarkan kepada pengguna parking digital. Namun, kami telah berjaya menangani ralat teknikal tersebut pada jam 11.40 pagi. Seramai 24 pengguna parking digital telah terjejas dan dikenakan kompaun berbanding 3,823 pengguna parking digital pada hari tersebut dan proses permohonan pembatalan telah dimulakan.

Kami menafikan bahawa masalah ini berpunca daripada ketidakselarasan sistem antara agensi seperti yang dilaporkan oleh media memandangkan sistem penguatkuasaan yang digunakan oleh Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) turut dibangunkan oleh kami. MBK berperanan sebagai pengguna dalam membuat semakan dan pengeluaran kompaun.

Untuk sebarang aduan dan permasalahan boleh diajukan terus kepada kami melalui saluran rasmi Facebook Messenger PahangGO iaitu m.me/pahango atau talian hotline 09-5730492. Kami juga beroperasi di:

No. B8-2, Jalan KS 1/13,
Kotasas Avenue,
Kota Sultan Ahmad Shah (Kotasas),
25200 Kuantan, Pahang

Kami memohon maaf atas sebarang bentuk kelemahan perkhidmatan dan kesulitan yang dialami berhubung perkara ini. Diharapkan pengguna PahangGO tidak perlu khuatir dalam menggunakan Parking Digital dan Aplikasi PahangGO versi baharu yang akan dilancarkan kelak semestinya akan memberikan kemudahan dan pengalaman yang lebih baik.

YB DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN BIN MOHD ARIFF
PENGERUSI PAHANG GO SDN BHD
KUANTAN
11 MEI 2022

